

10 MAY 2003

Mahathir-P/Raya

SAYA TIDAK AKAN KETUAI BN DALAM P/RAYA AKAN DATANG, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi bahawa beliau tidak akan mengetuai Barisan Nasional (BN) dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir berkata beliau akan menghulurkan sokongan penuh kepada penggantinya dalam mengharungi pilihan raya itu.

"Saya akan sokong sepenuhnya pengganti saya yang akan ketua BN dalam pilihan raya," kata pengerusi BN itu dalam persidangan berita selepas merasmikan perhimpunan agung ke 57 MIC di sini.

Dr Mahathir berkata, walaupun beliau telah menyatakan keputusannya untuk berundur daripada jawatan kerajaan dan parti pada Oktober ini, ramai yang tidak percaya beliau akan berundur daripada jawatan Perdana Menteri, Presiden Umno dan pengerusi BN.

"Dan, terdapat mereka yang mahukan saya berundur lebih awal untuk memastikan saya benar-benar berundur," katanya.

Diminta menjelaskan kenyataan beliau yang ada orang mahu beliau melepaskan jawatannya lebih awal, Dr Mahathir berkata: "Ini spekulasi. Ini politik. Kita dapat lihat perkara seperti ini. Mereka meragui saya dan tidak mahu menghulurkan kerjasama."

Sebelum itu dalam ucapannya di perhimpunan agung, Perdana Menteri berkata ada yang percaya perubahan dalam pucuk pimpinan sekarang ini menandakan demokrasi.

"Jika rakyat mahukan pemimpin yang sama, pemimpin itu boleh teruskan. Tetapi jika pemimpin itu berhasrat untuk bersara, anda mesti membenarkannya bersara," kata beliau jelas merujuk kepada keputusannya untuk berundur pada Oktober ini.

Dr Mahathir telah mengumumkan keputusan beliau untuk berundur semasa ucapan menggulung Perhimpunan Agung Umno pada 22 Jun lepas, mengejutkan perwakilan di Dewan Merdeka di PWTC, dan rakyat di seluruh negara.

Tetapi, selepas dipujuk, beliau bersetuju untuk meneruskan tanggungjawabnya sehingga Oktober ini.

Dr Mahathir awal minggu ini kembali bertugas selepas bercuti selama dua bulan.

Pada Khamis lepas semasa merasmikan Kompleks Gas Asli Cecair Petronas di Bintulu, Dr Mahathir semasa mengulas seruan supaya beliau menarik balik keputusannya untuk berundur berkata: "Saya sudah buat keputusan dan akan berpegang kepada keputusan saya itu."

Menyentuh mengenai ucapan beliau yang menyeru semua parti komponen BN untuk meningkatkan kerjasama dalam menghadapi pilihan raya akan datang, Perdana Menteri itu berkata pastinya ada masalah di setiap parti komponen termasuk persaingan bagi jawatan.

"MIC sudah selesai jadi saya ingat kita perlu ketepikan perselisihan sesama kita untuk tumpu pada pilihan raya.

"Semua parti komponen BN perlu bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya, mengatasi masalah dalaman dan berdiri teguh di belakang BN," katanya.

-- BERNAMA

HK MFJ PR